

## Indah Lagi Mengasyikkan: Gaya Bahasa Pertautan Usman Awang dalam Puisinya

### Beautiful and Absorbing: Language Style of Opposition in the Poetry of Usman Awang

MUHARAM AWANG & SHAIFUL BAHRI MD. RADZI

#### ABSTRAK

*Kajian ini membicarakan kepenyairan Usman Awang, Sasterawan Negara yang ketiga. Pembicaraan ini berkisar terhadap keindahan gaya bahasa pertautan dalam puisi yang disampai dengan begitu berkesan sekali sehingga berjaya menjadikannya sebagai seorang tokoh penyair besar dalam dunia kepenyairan tanah air. Data kajian ini melibatkan cabutan sajak-sajak ciptaan Usman Awang yang antara lain termasuk Gelombang (1960); Duri dan Api (1967); Kaki Langit (1971); Salam Benua (1987) dan Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang (1987). Bagi menganalisis keindahan puisi Usman Awang maka Model Gaya Bahasa Hendry Guntur Tarigan khususnya gaya Bahasa pertautan diaplikasikan bagi mengenal pasti gaya bahasa ini digunakannya dalam puisi. Keindahan puisi ini terbukti kerana kebijaksanaannya dalam menjalin penggunaan gaya bahasa pertautan seperti metonimia, sinekdoke, alusi, eufemisme, epitet, antonomasia, paralelisme, dan asidenton dalam ciptaan puisi sehingga menjadikannya sebegitu indah sehingga menyentuh kalbu. Kekuatan ini membolehkan Usman Awang menyampaikan tema kemanusiaan secara berkesan ketika merakamkan peristiwa sejarah penting tanah air serta yang menyentuh isu-isu antarabangsa dan sejagat.*

*Kata kunci: Usman Awang; puisi; gaya bahasa; gaya bahasa pertautan; indah*

#### ABSTRACT

*This study discusses the aestheticism in the poetry of Usman Awang, Malaysia's 3<sup>rd</sup> National Laureate. The discussion revolves on the usage of the language style of opposition which turned him into one of the great poets of the nation who focused on humanitarian themes. The data of this study is derived from Usman poetry which includes Gelombang (1960); Duri dan Api (1967); Kaki Langit (1971); Salam Benua (1987) and Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang (1987). The stylistic analysis of Usman's poetry is informed by Hendry Guntur Tarigan's language style. The findings show that Usman became one his country's great poets as evident in his perseverance in the beauty and strength of his poetry. His ability to extrapolate the language style of opposition in the likes of metonymy, syncope, allusion, euphemism, epithet, antonomasia, parallelism, and asyndeton in crafting his poetry made his poetry rather exquisite and genuinely heartfelt. It is such strength which enabled Usman to convey humanitarian themes highly effectively as he observed on important historical events of the nation including both international and global issues.*

*Keywords: Usman Awang; poetry; language style; language style of opposition; aestheticism*

#### PENGENALAN

Sastera itu indah. Keindahan tampil lebih berkesan dalam puisi berbanding prosa. Indah itu lagi mengasyikkan dek irama mainan kata-kata dalam puisi. Lebih indah puisi itu sekiranya untaian kata-kata itu mampu menyampaikan mesej yang tepat ke atas sesuatu isu yang ingin diungkapkan. Puisi menurut Ngurah Parsua (1985: 296) sering berupa suasana hati yang tersirat hasil pengalaman hidup pengarang. Proses pengalaman ini sering dilontarkan dengan gaya bahasa yang menarik, bersifat intuitif

dan sugestif yang kadang kala menjurus ke arah imaginasi yang diungkap secara simbolisme. Kepekaan perasaan dan rasa hati khalayak dituntut bagi percambahan pemikiran. Keindahan juga dipertegaskan Gazalba (1977) sebagai ciptaan bentuk yang menjurus kepada keseronokan dan kepuasan jiwa. Justeru, dalam kehidupan seharian, tumpuan lebih kepada keindahan khususnya daripada segi bentuk atau rupa berbanding aspek lainnya. Isu keindahan menarik minat manusia semenjak zaman Socrates lagi dan mereka terlibat dalam perdebatan tentang soal apakah yang berada

dalam objek yang menyebabkan sesuatu itu indah, termasuk tentang gaya bahasa (Gazalba 1977: 11). Buat Usman Awang, sajak itu hasil seni yang seharusnya mempunyai kehalusan dan keindahan yang kebiasaannya terletak pada gaya bahasa yang digunakan. Maka dalam puisi keindahan gaya bahasa itu berperanan penting dalam memikat para pembaca menikmatinya (Usman Awang dan A. Samad Said 1963: 21-22).

Keindahan puisi Usman Awang amat dikagumi. Mudah difahami dan berkesan sekali. Puisi Usman mendekati masyarakat serta menyentuh hati dan jiwa mereka (Mohd Radzuan Ibrahim 2017). Mohd Radzuan Ismail dengan nama pena Wanrazuhar ialah seorang pengamal undang-undang yang berwibawa, penggiat seni, pemuisi dan karyawan sastera. Beliau juga merupakan Timbalan Presiden Penyair Malaysia (PENYAIR). Hasil-hasil karyanya termasuklah puisi, cerpen, novel dan buku-buku ilmiah yang antaranya telah pun diterbitkan. Contoh, puisi (*Sepi* 1977, *Orang Kita* 1989 dan *Ku Kejar Kata* 2016). Cerpen (*Air Mata Kasih* 1987, *Cinta Isteri Di Persimpangan* 2016). Novel (*Warna-warna Kota* 1980, *Gerakan Malam Jahanam* 1989, *Lemas Di Lembah Kota* 1989) manakala buku-bukunya ialah *Polis Diraja Malaysia-Sejarah Peranan dan Cabaran* 1983, *Kekerasan Terhadap Wanita* 1990 dan *Munakahat-Undang-undang dan Prosedur* 2006 (*Mingguan Malaysia*, Ahad 10 Disember 2017). *Gelombang* (1960); *Duri dan Api* (1967); *Kaki Langit* (1971); *Salam Benua* (1987) dan *Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang* (1987) adalah kumpulan sajak terkenal Usman Awang yang digubah dengan bahasanya berbunga, mengasyikkan, hingga menusuk kalbu, membangkit rasa kasih, puitis lagi indah, cukup padat malah tepat dalam menyampaikan mesej secara berkesan dan sungguh membina sekali. Usman Awang mempunyai daya tarikan dan kebolehan kreativiti yang tersendiri. Kelainannya terdapat pada bentuk ritma dan rentak rima yang bersifat begitu estetik. Unsur-unsur retorik yang biasa digunakan itu tidak sahaja melunakkan bunyi kalimah yang diulangi, malah memberi penekanan kepada kehebatan makna atau mesej yang didukung kalimah-kalimah yang diulang-ulangi itu (Amida Abdulhamid 2006: 93). Adakalanya tersirat sindiran sinis, pedas dan tajam terhadap individu-individu tertentu yang bermasalah dalam menangani sesuatu isu baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa khususnya tentang kemanusiaan (Azman Rahmat 2017). Ternyata terserlah kewibawaan dan keluarbiasaan Usman Awang dalam berkarya. Segalanya itu disampaikan

dengan gaya yang amat bersahaja, cukup sederhana, realistik dan berkesopanan yang wajar. Di sebalik sanjungan dan pujian ke atas Usman Awang yang peka terhadap persoalan kemanusiaan sejagat, perlu diakui bahawa semuanya berjaya dilaksanakan menerusi kehebatan penulisannya yang terletak pada amalan penggunaan dan mainan gaya bahasa.

#### INDAH LAGI MENGASYIKKAN

Indonesia bangga dengan Amir Hamzah. Amir Hamzah dilahirkan pada 28hb Februari 1911 daripada kalangan bangsawan di Tanjungpura, Langkat, Sumatera Utara. Beliau adalah Putera Tengku Bendahara Paduka Raja Kerajaan Langkat. Meninggal dunia pada 19 Mac 1946. Beliau merupakan sasterawan teragung Indonesia daripada Angkatan Pujangga Baru (Sebuah angkatan sastera yang muncul pada tahun 1933 di bawah pimpinan Sutan Takdir Alisjahbana). Beliau menghasilkan kumpulan sajak 'Nyanyi Sunyi' pada tahun 1937 dan kumpulan sajak 'Buah Rindu' pada tahun 1941. Masing-masing memuatkan 25 buah sajak. Beliau bukan hanya menjadi penyair besar tetapi juga menjadi penyair yang kemampuannya dalam bahasa Melayu-Indonesia. Sebagai contoh, diperturunkan salah satu bait daripada sajak Nyanyi Sunyi:

Sunyi itu duka sunyi itu kudus (suci; murni)  
Sunyi itu lupa  
Sunyi itu lampus (mampus; mati)

Beliau banyak berkecimpung dalam sastera dan kebudayaan Melayu. Beliau juga seorang penterjemah yang tersohor (H.B. Jassin 1962). 'Padamu jua' merupakan sajak terkenal penyair ulung ini. Kehebatan Amir begitu disanjung apabila dikatakan bahawa tokoh ini seorang insan perasa, pengagum, jiwanya mudah tergetar, seluruh sajak-sajaknya bernafas kasih terhadap alam, kampung halaman, kekasih yang tidak diragukan cintanya pada tanah airnya. Ratapan Amir adalah ratapan jiwa manusia dan nyanyian Amir adalah juga nyanyian jiwa manusia. Penulisannya pula tidak membosankan kerana ianya lebih menyerupai puisi lama seperti pantun dan syair. Begitu hebat dan istimewanya Amir Hamzah buat Jassin (1962: 41). Sebagai bandingan, Usman Awang tidak jauh bezanya dengan Amir Hamzah dalam kalangan khalayak sastera Malaysia yang berbilang bangsa.

Usman Awang juga mengaplikasikan konsep keindahan dan mainan bunyi terhadap puisinya, Sikap keterkawalan Usman terhadap ciri-ciri bahasa


dalam puisinya amat dititikberatkan. Ayat-ayatnya disaring dan disampaikan dengan gaya bahasa yang bersahaja, cukup sederhana, lembut dan bersopan. Ketajaman mata pena dan kehalusan katanya tergambar perbezaan ketara dengan pemuisi-pemuisi dalam lingkungan penyair tanah air. Puisi-puisi Usman sangat mudah difahami, lenggok bahasa yang merdu memikat para peminat dan sesekali diselitkan pula dengan unsur melankoliknya, mempesona jiwa pembaca. Keindahan yang begitu menonjol dapat diserlahkan dengan jayanya kerana beliau menggunakan gaya bahasa yang menarik.

Hendry Guntur Tarigan (1985) mengklasifikasi gaya bahasa kepada empat jenis; gaya bahasa pertentangan, perulangan, pertautan, mahupun perbandingan. Namun, setiap satu jenis gaya bahasa ini mempunyai lagi beberapa jenis yang berbeza mengikut sifat-sifat gaya bahasa tersebut. Kebijaksanaan dalam menguasai dan mengaplikasikan penggunaan gaya-gaya bahasa ini dapat memperkaya dan memperindahkan kosa kata bagi mencapai tahap keunggulan bahasa penyair dalam menyampaikan mesej. Hasilnya, lahir lah puisi indah. Kekuatan inilah yang dimiliki Usman Awang dalam menyampaikan tema kemanusiaan yang diperjuangkannya secara berkesan ketika

merakamkan peristiwa sejarah penting tanah air serta yang menyentuh isu-isu antarabangsa dan sejagat. Sehubungan ini, perbincangan ini hanya akan memberikan tumpuan khusus ke atas gaya bahasa pertautan.

### GAYA BAHASA PERTAUTAN

Daya kreativiti Usman Awang terhadap permainan kata amat hebat. Kehebatannya terletak pada penggunaan gaya bahasanya yang pelbagai menjadikan hasil-hasil karyanya itu tidak jemu-jemu dibaca dan dihayati ramai. Salah satu daripada empat gaya bahasa yang diterapkan dalam puisinya ialah gaya bahasa pertautan. ‘Pertautan,’ berasal daripada kata akar ‘taut’ yang membawa erti menjadi rapat, bertemu, berhubungan atau pertalian yang wujud antara sesuatu perkara atau peristiwa dengan yang lainnya. Penggunaan gaya bahasa pertautan itu memantapkan karya-karyanya. Terdapat 13 jenis gaya bahasa pertautan ini menurut Tarigan (1985: 122) iaitu terdiri daripada metonimia, sinekdoke, alusi, eufemisme, eponim, epitet, antonomasia, erotesis, paralelisme, elipsis, gradasi, asidenton dan polisidentos seperti tertera dalam rajah di bawah;



RAJAH 1. Lapan jenis gaya bahasa pertautan dalam puisi Usman Awang

#### METONIMIA

Metonimia, gaya bahasa kiasan yang menerangkan sesuatu hal yang mempunyai kaitan rapat dengan maksud atau tujuan yang sebenarnya. Contoh,

daripada ‘titik peluh’ seseorang petani, kita dapat merasai nasibnya (Hashim Awang 1987: 6). Daripada aspek linguistiknya, ia merupakan penggunaan nama sesuatu untuk merujuk kepada benda lain yang sifatnya ada hubungan logiknya. Contoh, ‘Bulan

Sabit' merujuk kepada 'Islam' (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2015). Tarigan (1985) juga turut serta memberikan pendapatnya iaitu metonimia yang berasal daripada bahasa Yunani (Meta 'bertukar', onym 'nama'), membawa erti kepada sejenis gaya bahasa yang mempergunakan nama sesuatu barang bagi sesuatu yang lain yang berkaitan erat dengannya. Contohnya, 'Terkadang pena itu lebih tajam daripada mata pedang'. Berlandaskan kepada konsep ini beberapa sajak Usman yang secara langsungnya telah menyelitikan gaya bahasa tersebut dengan berkesan sekali dan antaranya ialah sajak 'Zaman Ini' (1958) khusus pada bait-bait ketiga dan keempatnya:

Engkau penyair akan menulis segala cerita,  
*Penamu tajam* boleh menghiris segala cerita!  
 Zaman ini mengajarmu hidup berpura-pura,  
 Atau sekadar menyelamatkan diri menganggukkan kepala.

Engkau wartawan mengutip berita antara manusia,  
*Penamu tajam* dapat mencungkil keburukan mereka!  
 Engkau diam mengikat tangan di bawah meja,  
 Zaman ini memaksamu menulis yang baik belaka.

'Penamu tajam boleh menghiris segala cerita,' memperjelaskan tentang kaitannya dengan penggunaan gaya bahasa metonimia ini dalam sajak tersebut. Sebagai pemuisi tersohor, Usman menggunakan majaz 'penamu tajam' itu sebagai suatu elemen yang merupakan unsur pengorangan iaitu seorang penyair yang teristimewanya mempunyai kebolehan tertentu bertujuan untuk, mencerakin atau menganalisis sesuatu cerita yang hendak disampaikan kepada para pembaca dengan kebijaksanaan dan kreativiti. Di sinilah letaknya peranan pertautan yang erat antara satu hal dengan yang lainnya bagi menghasilkan sesuatu maksud yang antara lainnya si pengarang itu dapat mendedahkan suasana kepura-puraan masyarakat pada zaman itu. Begitu juga halnya dengan ayat, 'Penamu tajam dapat mencungkil keburukan mereka', yang unsur pengoragannya ialah wartawan, berkemampuan juga untuk melukiskan berita-berita berkaitan kemasyarakatan termasuk yang negatif sifatnya. Namun begitu, pada hakikatnya kebebasan menulis itu seolah-olah ada garis dan batas tertentu yang perlu dipatuhi oleh para wartawan, khusus tentang mesej baik dan buruknya yang ingin dikemukakan.

Bagi sajak 'Merpati Putih, Jelajahilah Dunia Ini' yang dihasilkan pada tahun 1958, ia memperlihatkan sikap Usman Awang yang begitu peka, prihatin dan bersikap kental terhadap unsur-unsur kemanusiaan. Jika diteliti secara mendalam

keseluruhan sajak ini, ianya menjadi simbol kemanusiaan yang menggunakan citra burung merpati sebagai sumber cintakan keamanan dan kedamaian bukan sahaja di rantau Nusantara, bahkan juga meliputi alam sejagat. Demi untuk memperkukuh dan memantapkan lagi sajak ini, beliau telah menyelitikan jalinan bahasa metonimia yang pada hematnya menarik dan sesuai sekali untuk ke sasaran matlamatnya iaitu kepada para pembaca. Penggunaan gaya bahasa ini boleh dilihat dalam bait-bait berikut:

Dalam keruncingan manusia bimbang curiga,  
 Terbanglah ia menjelajah dunia,  
*Putih sayapnya melambai cinta damai,*  
 Bersamanya kibaran panji-panji hidup bersama.

Merpati putih, jelajahilah dunia ini,  
 Hembuskan udara baru yang kau hirup dari malam,  
 Biar bunga-bunga mekar menguntum,  
 Biar bibir-bibir segar tersenyum.

Berdasarkan kepada ayat, 'Putih sayapnya melambai cinta damai', ternyata ada pertautan yang erat dan penuh makna. 'Burung Merpati Putih' itu seolah-olahnya merupakan bayangan pengorangan yang ditugaskan menjelajah ke seluruh rantau khasnya untuk menyebarkan konsep penting iaitu kedamaian dan keamanan sejagat. Kiasan tentang pemilihan burung merpati ini amat tepat kerana ingin mengimbau kembali kisah dahulu kala yang burung ini pernah digunakan untuk menghantar berita dari satu tempat ke tempat yang lebih jauh (*Encyclopedia International* 1967: 358). Oleh itu, dengan gaya bahasa yang menarik dan merangsang ini beliau mengharap agar penghuni dunia dapat hidup bersama, hubung- menghubungkan tanpa sebarang gangguan yang boleh mengganggu gugat kestabilan dan kesejahteraan hidup masyarakatnya. Harapan Usman ialah sama-samalah kita menikmati alam ciptaan Ilahi dengan udara nyaman yang bersih serta flora dan faunanya yang subur merimbun serta berada dalam suasana tenang dan gembira.

#### SINEKDOKE

Tarigan (1985) memperjelaskan bahawa sinekdoke ini berasal daripada bahasa Yunani. Ia merupakan gaya bahasa yang menyatakan sebahagian hal untuk pengganti keseluruhannya. Hashim Awang (1987) pula menerangkan bahawa sinekdoke itu ialah kiasan yang menyebutkan nama bahagian untuk menggantikan nama bagi keseluruhannya. Sebagai contoh, 'Sekolah kami memenangi piala

kejuaraan bola sepak', maksudnya bukan seluruh sekolah memenangi piala itu tetapi hanya merujuk kepada satu pasukan bola sepak itu sahaja. Namun begitu ia tetap mengharumkan nama sekolah itu keseluruhannya. Memperkatakan gaya bahasa sinekdoke ini, Usman secara langsungnya telah dapat mempergunakannya dengan baik dan tepat sekali. Melalui sajaknya yang bertajuk 'Boestamam' (1983), beliau menggariskan hal sedemikian rupa seperti dalam bait berikut:

Bertuahlah bumi timah negeri Perak ini  
Melahirkan barisan putera gagah berani  
Pahlawan tanah air yang mengabdikan diri  
Untuk kedaulatan negara untuk martabat bangsa  
dari Datuk Maharajalela yang memerahkan Pasir Salak

membawa kepada nama-nama besar pahlawan kebangsaan:  
Dr Burhanuddin Al-Helmy, Zulkifli Muhammad, Aminuddin  
Baki...

Memperjelaskan gambaran daripada bait di atas, negeri Perak sebenarnya, sudah lama terkenal dengan hasil perlombongan bijih timah dan ianya menarik minat pedagang tempatan dan luar negeri seperti Inggeris untuk mengusahakannya. Di samping itu negeri ini juga adalah negeri pertama menerima sistem 'Residen' melalui Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874 di Pulau Pangkor, Perak antara Inggeris dengan Sultan Perak. Dua daripada lima isi kandungan perjanjian ialah Raja Abdullah diakui sebagai Sultan menggantikan Sultan Ismail dengan wang saraan sebanyak \$1,000 sebulan. Keduanya ialah semua pungutan dan kawalan cukai serta pentadbiran mestilah dijalankan atas nama Sultan tetapi disusun menurut nasihat Residen (Joginder Singh Jessy 1964: 192). Tarikh ini jugalah bermulanya campur tangan Inggeris di Tanah Melayu. Pada hakikatnya orang-orang Melayu, khususnya rakyat Perak menentang keras gejala ini terutamanya daripada segi pungutan cukai yang membebankan rakyat dan mereka bertekad tidak mahu tunduk kepada kehendak British. Akibatnya, Datuk Maharajalela yang berkomplot dan bekerjasama dengan panglima-panglimanya telah membunuh J.W.W. Birch, Residen pertama penjajah di Pasir Salak. Usman cuba mengimbuai kembali peristiwa berdarah ini yang kebetulannya dianggap sebagai satu sumber semangat nasionalisme bagi masyarakat Melayu. Beliau yang begitu sensitif mengaitkan peristiwa itu dengan peranan yang dimainkan oleh 'Boestamam' dalam memperjuangkan kehidupan sosial masyarakat bagi memartabatkan keutuhan

bangsa dan kedaulatan negara. Oleh itu, mesej yang ingin disampaikan beliau ialah seolah-olah mereka itu mewakili keseluruhan penduduk negeri Perak. Maka ternyata sekali gaya bahasa sinekdoke yang diaplikasikan beliau itu terasa cukup padat dan memberi kesan mendalam kepada masyarakat untuk mengambil iktibar daripadanya bahawa insan bernama Boestamam itu dianggap sebagai seorang wira negeri dan negara.

Idea dan mesej yang ingin diketengahkan Usman tiada had dan batasannya, termasuklah alam percintaan antara teruna dan dara. Beliau tidak syak lagi mempunyai gaya bahasanya yang tersendiri selari dengan sikap romantis dan emosi kejiwaannya yang sentiasa membara. Dalam sajak 'Bertemu' yang dihasilkan pada tahun 1954, ada buktinya. Lukisan hati yang disampaikan itu ada lembut dan lunak serta ada gaya bahasa sinekdokenya apabila dihayati dengan penuh rasa. Petikan berikut benar-benar menusuk jiwa:

Mimpikah aku semalam  
Melihat gadis tangan bersentuhan?  
Kuajak dia melihat bulan  
Penuh mesra kami berkenalan.

Kami bertemu, penuh kemesraan  
Berkenalan kami dalam keindahan  
Merayap kasih dalam kenangan  
Berpeluk hati berbuai sayang.

Kunantimu, dik, di tempat bertemu  
Mengajuk hati mengusapi rindu.

Datanglah keberanianku  
Mengadakan perhitungan yang jitu  
Menang atau mati kaku  
Antara segala gelisah yang menghantu.

Bertemulah dengan gadisku  
Setelah mengembara beribu-ribu batu

Bagi insan yang sedang dilamun cinta semuanya indah-indah belaka. Dara idaman menjadi pujaan dan impian malam adalah lumrah baginya. Tiada apa yang menjadi halangan dan hajat hati perlu dilaksanakan dengan apa cara sekalipun. Sudah menjadi kebiasaan pula bulan dan cahayanya memberikan rangsangan untuk merapatkan tali perkenalan di kala sunyi. Lantaran itulah suasana alam khayalan mereka begitu menarik dan mencabar yang perlu pula dilalui. Berkaitan dengannya ayat, 'Kuajak dia melihat bulan' itu ianya lebih merupakan satu bentuk simbolisma yang memerihalkan bukanlah bulan itu sahaja yang dipentingkan tetapi juga cahayanya yang bergemerlapan itulah yang

memberikan sinar harapan kepada pengenalan percintaannya. Di sinilah kemahiran Usman meletakkan permainan bahasa sinekdokenya yang dikira cukup menarik dan penuh makna.

Usman Awang juga tidak terlepas daripada menggunakan gaya bahasa ini bagi menggambarkan tentang betapa daya usahanya si teruna itu, seolah-olah terpaksa menjelajah ke serata pelosok semata-mata bertujuan untuk mencari dan menemukan cinta idamannya. Melalui ayat, 'Bertemulah dengan gadisku setelah mengembara beribu-ribu batu', terlukislah pula tentang daya usahanya itu, walaupun pada hakikatnya telah mengharungi beribu batu jauhnya. Mungkin ramai si dara yang ditemui, namun hanyalah seorang sahaja yang amat berkenan di hati. Di sinilah tersirat kehebatan Usman menggayakan bahasa sinekdokenya bagi menerangkan bahawa hanya seorang insan bertuah sahaja yang ditemui daripada keseluruhan pengembaraannya sepanjang perjalanan beribu-ribu batu jauhnya itu untuk dijadikan teman hidup. Begitu hebat dan romantiknya pencarian cinta sejati yang dilalui oleh jejak pemburu kasih hati yang dilukiskan Usman. Sebenarnya kehalusan dan kelembutan perasaannya ini tergambar semula kerana beliau sendiri pernah mengalaminya ketika muda. Sebagai anak muda pada suatu ketika dahulu, beliau turut dibuai oleh perasaan terhadap wanita pujaannya dan suasana inilah yang dicurahkan semula ke dalam sajak 'Bertemu' melalui gaya sinekdokenya. Sebenarnya pada ketika mudanya, Usman Awang juga merupakan seorang pemuda yang romantik.

#### ALUSI

Alusi ialah gaya bahasa yang pada dasarnya digunakan untuk menghubungkan sesuatu keadaan atau peristiwa atau tokoh tertentu yang telah sedia difahami dan dihayati oleh masyarakat umum (Tarigan 1985: 126). Bagi Rahman Shaari (1987) pula, alusi ialah pemberian penjelasan dengan perbandingan yang berkesan bagi menggambarkan seseorang tokoh atau sesuatu peristiwa. Dalam konteks ini, Usman telah mengaplikasikannya dengan begitu baik dan berkesan, khusus dalam sajaknya yang berjudul 'Hadiah' (Hari Lahir Anakku) yang terhasil pada tahun 1960. Sajak ini mengisahkan tentang betapa suci, bersih dan mulianya seorang anak kecil yang pada hematnya sangat disayangi dan dibelai sepenuhnya oleh seisi

keluarga. Dalam hal sedemikian, bait pertamanya dijadikan contoh:

Anakku belum bisa berkata lagi,  
Putih hatinya putih wajah nabi,  
Senyum dan tangisnya adalah kata hati,  
Rekahan bunga di bawah sinar matahari pagi.

Mengambil kira gaya bahasa alusi yang digunakan Usman pada ayat 'Putih hatinya putih wajah nabi', secara langsung ianya merupakan satu nukilan yang paling nyata dan jelas apabila dikaitkan dengan gambaran si anak kecil yang berhati putih bersih itu dengan 'wajah nabi'. Sebagai mana yang dimaklumi secara mutlak bahawa 'nabi', khususnya yang dimaksudkan Usman ialah Nabi Muhammad SAW itu ialah insan yang paling rapat di sisi Allah SWT di samping insan yang mulia, berjiwa bersih lagi bijaksana. Apatah lagi baginda juga dikategorikan sebagai insan maksum yang amat dikasihi-Nya (Muhammad Hussain Haekal 1982: 76). Jelas tersirat apabila kedua-dua insan ini dikaitkan hubungannya antara 'putih hati' si anak kecil dengan 'putih wajah nabi' itu ialah tentang penggunaan gaya bahasa alusi yang paling tepat dan ideal yang dapat dihasilkan oleh Usman. Bagi Usman Awang, begitu mulia dan sucinya si bayi kecil itu yang diumpamakan sebagai sekuntum bunga yang berkembang mekar di pagi hari. Insan ini juga diibaratkan seperti sehelai kain putih bersih, ibu bapanyalah yang mencorak baiknya sehingga nanti putih hatinya seputih wajah nabi.

#### EUFEMISME

Eufemisme ialah ungkapan yang lebih halus dan manis digunakan untuk menggantikan ucapan yang dianggap kasar dan tidak menyenangkan (Hashim Awang 1987: 26). Sementara Tarigan (1985) menghuraikan yang kata eufemisme ini berasal daripada bahasa Yunani yang membawa maksud yang hampir sama iaitu ungkapan yang lebih halus sebagai pengganti ungkapan yang kasar yang dianggap merugikan. Misalnya, 'meninggal' untuk 'mati' dan 'berbadan dua' untuk 'bunting.' Bagi Usman, gaya bahasa ini tidak lepas daripada lintasannya dan digunakan dengan baik sekali. Dalam sajak 'Korban Tanah Air' (1948) contohnya, beliau melahirkan rasa belas simpatinya yang tidak terhingga terhadap terkorbannya seorang sahabat yang sedang bertugas sebagai mata-mata (polis) (Muhammad Haji Salleh 2006: 109-110). Rasa pilu dan menyayat hati yang tertanam di jiwanya

dicurahkan ke dalam sajak ini, khusus pada bait pertamanya:

Biar dia telah pergi  
Atau gugur ke persada ibu  
Yang... takkan kembali  
Meninggalkan bakti dan jasa.

Berkaitan dengan bait di atas, Usman tidak mahu mengklasifikasikan episod dan istilah 'mati' itu secara *'direct'* tetapi beliau lebih tertarik dan cenderung melukiskannya dengan gaya bahasa eufemisme bertujuan untuk memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca menghayatinya. Dalam konteks sedemikian, kedua ayatnya iaitu 'Biar dia telah pergi, atau gugur ke persada ibu' menjurus kepada istilah 'mati' tetapi kepada beliau kata-kata 'telah pergi' dan 'gugur' yang digunakan itu disifatkan lebih lembut, berhemah dan bersopan pula bentuknya. Sementelahan pula kata-kata yang bersopan dan halus bahasanya itu sedikit sebanyak dapat meringankan rasa sedih dan pilu kepada keluarga si mati. Kepiluan di hati Usman sebenarnya tergambar semula kisah perjuangan seorang wira bangsa untuk mempertahankan negara, lebih-lebih lagi beliau sendiri pada era 1948 zaman darurat itu bertugas sebagai seorang mata-mata. Nostalgia yang mengharukan ini diterjemahkan semula melalui gaya bahasa eufemisme yang berkesan dan menusuk jiwa. Paling tidaknya peristiwa menentang komunis durjana itu yang membawa korban begitu banyak dalam kalangan ahli pasukan keselamatan, polis dan tentera dijadikan sebagai satu semangat juang yang mulia dan membara kepada pembaca.

#### EPITET

Penyair yang kreatif seperti Usman sememangnya sangat terkenal dengan gaya penulisannya dan salah satu gaya bahasa yang digunakan ialah gaya epitet. Mengikut pendapat Tarigan (1985), gaya bahasa ini bermatlamat untuk menyatakan sesuatu sifat atau ciri khas seseorang, benda atau sesuatu hal bagi menggantikan nama-nama yang berkaitan. Sebagai contoh, 'Loceng Pagi' bersahut-sahutan seolah-olah memberi isyarat kepada penduduk sekitar untuk bangkit daripada tidur. 'Loceng Pagi' yang dimaksudkan ialah 'ayam jantan'.

Berdasarkan kepada huraian di atas terdapat sebuah sajak yang ada kaitannya dengan gaya bahasa ini. Sajak tersebut yang dihasilkan pada tahun 1979 bertajuk 'Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar Raya' mengisahkan

tentang bagaimana sebatang pokok 'Beringin Tua' yang ratusan tahun usianya, hidup di pinggir jalan raya di ibu kota, dimusnahkan akibat daripada rancangan pembangunan bandar. Usman yang pada hakikatnya begitu peka dan amat menghayati kehijauan alam semula jadi berasa amat kesal dan sedih dengan peristiwa ini, lebih-lebih lagi cara memusnahkannya dengan begitu kejam sekali. Keadaan ini digambarkannya dalam bait berikut:

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang  
Gergasi teknologi menyerangnya  
Dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi  
Sehingga terdengarlah jeritan ngeri  
Suara Beringin rebah ke bumi

Jika diteliti daripada ayat 'gergasi teknologi menyerangnya dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi' menggambarkan secara jelas bahawa manusia yang menebang dan memusnahkan 'Beringin' itu telah melakukan kerjanya dengan begitu rakus sekali. Ia diperjelaskan sebagai 'gergasi teknologi' yang bertindak ganas dan tidak ada sedikit pun rasa hormat dan kasih sayang kepada sesuatu makhluk ciptaan Ilahi. Walaupun mangsanya itu sebatang pokok tua yang pada dasarnya telah banyak menabur bakti kepada manusia dan haiwan serta unggas seperti berteduh di bawahnya. Bagi Usman gejala ini menusuk hati dan dizahirkan melalui gaya bahasa epitetnya. Beliau benar-benar telah meletakkan sikap dan perangai seseorang yang tidak berperasaan itu sebagai robot besi yang tidak waras yang melakukan sesuatu kerja itu dengan hanya mengikut kehendak dan selera hatinya sahaja tanpa memikirkan kesan buruknya nanti. Walaupun 'Gergasi teknologi' merupakan sebuah jentolak yang mencengkam dan menumbangkan 'Beringin Tua' itu tetapi pada hakikatnya ada manusia zalim yang bertindak kejam di sebalik jentolak itu. Penyampaian berbentuk epitet ini adalah simbolik kekejaman manusia itu sendiri yang bermotifkan sindiran kepada gelagatnya yang membuta tuli tanpa memikirkan kesan buruknya.

#### ANTONOMASIA

Antonomasia ialah satu bentuk gaya bahasa yang merupakan penggunaan gelaran rasmi atau jabatan sebagai pengganti kepada nama diri (Tarigan 1985: 32). Sebagai contoh: 'Perdana Menteri Malaysia ialah seorang yang berjiwa rakyat, 'Perdana Menteri' itu ialah antonomasiannya. Dalam perspektif sedemikian, Usman telah menyelitkan unsur gaya bahasa ini ke dalam sajaknya yang berjudul Pak

Utih (2), hasilan pada tahun 1974, khusus pada bait-bait berikut:

Maka Tokoh Kota segera dipayungi  
Kulitnya jangan dijilat matari  
Berdiri di muka mengucapkan kata-kata:  
Rakyatku!  
Rakyatku yang tercinta  
Lihat kelilingmu tanah air kita  
Segala daun menghijau  
Di bumi hijau  
Untuk rakyat yang hijau  
Pergilah ke pinggir-pinggir hutan  
Galilah! Berdikarilah!  
Rebutlah nikmat kemerdekaan

Tiba-tiba menjengul wajah Mak Utih  
Pakaiannya serba putih mendukung cucu-cucunya  
O, ramainya mereka, sepuluh orang semuanya  
Mereka tertawa-tawa di belakang Tokoh Kota.

Sebenarnya sajak Pak Utih (2) (1974) ini merupakan lanjutan daripada sajak Pak Utih yang dihasilkan pada tahun 1954. Sajak ini mengisahkan tentang kemiskinan dan kemelaratan hidup para petani di kampungnya. Pak Utih misalnya, terpaksa tinggal di teratak buruk peninggalan pusaka tanpa kemudahan asas yang sempurna. Sementara pemimpinnya pula kurang peduli tentang kepincangan mereka. Masa bergerak dan 20 tahun selepas beliau menulis puisi Pak Utih, tragedi Pak Utih itu rupanya diwarisi anak cucunya. Pemimpin dan tokoh bobrok yang lahir pada era kolonialisme rupanya terus berakar umbi, seperti yang digambarkan dalam sajak Pak Utih (2). Dalam hal ini, Usman dapat menganggap bahawa pemimpin yang diistilahkan sebagai 'Tokoh Kota' yang disanjung dan dihormati hanya bercakap kosong dan pandai memberi kata-kata nasihat, namun semua itu sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Terbukti bahawa seolah-olah cucu-cucu Pak Utih tahu yang gelagat pemimpin itu hanya retorik seperti yang ternyata dalam 'mereka tertawa-tawa di belakang 'Tokoh Kota.' Tertawanya itu ternyata bukan dibuat-buat tetapi lebih kepada satu bentuk sindiran sinis terhadap pemimpin yang hanya mahukan sanjungan, tanpa dapat memberikan layanan dan perhatian seadanya kepada rakyat. Adalah amat jelas bahawa Usman telah berjaya meletakkan 'Tokoh Kota' itu sebagai satu gaya bahasa antonomasia yang baik lagi padat pengertiannya bagi menggantikan nama pemimpin yang sebenar. Penjelasannya yang begitu konkrit ini dianggap berkesan sekali untuk difikirkan dan diambil perhatian.

## PARALELISME

Seorang penulis yang prolifik seperti Usman Awang, tentunya sentiasa memikir dan mahu memperkasakan penggunaan pelbagai gaya bahasa ke dalam sajak-sajaknya dan salah satu daripadanya ialah gaya bahasa paralelisme. Mengikut Tarigan (1985) paralelisme adalah semacam gaya bahasa yang kesejajaran dalam pemakaian kata-kata atau frasa-frasa. Bagi Rahman Shaari (1987) pula gaya bahasa ini merupakan pengulangan dua atau lebih perkataan. Istilah lainnya ialah pengulangan yang sejajar. Sebagai contoh, 'Bukan sahaja para guru yang bertanggungjawab atas pendidikan para pelajar tetapi juga harus ditunjang oleh ibu bapa mereka' atau 'Bulat air kerana pembetung dan bulat manusia kerana muafakat'. Berdasarkan kepada huraian-huraian ini, adalah didapati bahawa Usman Awang telah berjaya menggunakan gaya bahasa tersebut ke dalam beberapa buah sajaknya dengan baik sekali. Dalam konteks gaya bahasa paralelisme ini, Usman Awang telah menurunkannya ke dalam beberapa buah sajak. Antaranya ialah sajak 'Bunga Popi' (1955), khusus yang dimuatkan dalam bait ke lima.

Bunga popi bunga mayat perajurit bergelimpangan,  
Bunga darah merah menyimbah, penuh kengerian,  
Kami benci pada perang penuh pembunuhan,  
Kami rindu pada damai sepanjang zaman!

Walaupun terdapat kehadiran anafora dalam bait ini seperti pengulangan kata-kata 'bunga' dan 'kami' pada awalan ayat, namun unsur anaforanya ini lebih banyak menjerus kepada struktur paralelisme yang dikira lebih menarik. Jika diteliti dengan lebih mendalam ternyata frasa 'Bunga popi bunga mayat perajurit bergelimpangan' itu selaras sekali halnya kalau dikaitkan pula dengan 'bunga darah merah menyimbah kengerian.' Dalam situasi ini gambaran 'mayat bergelimpangan' itu cukup menyedihkan dan memberi kesan negatif yang boleh diistilahkan dengan maksud 'penuh kengerian,' lambangkan tentang kematian. Di sinilah letaknya kelebihan dan keupayaan Usman Awang menyejajarkan episod-episod penting iaitu 'darah merah menyumbang kengerian dan kesedihan' yang pada hakikatnya tidak boleh dipisah-pisahkan. Peperangan yang banyak menumpahkan darah yang merah itu akan menimbulkan rasa ngeri yang melampau dan akhirnya menjerus kepada suasana kesedihan yang berpanjangan.



Begitu juga dengan klausa ‘Kami benci pada perang penuh pembunuhan dan kami rindu pada damai sepanjang zaman!’ ada unsur paralelisme dan kesejajaran yang rapat. Sememangnya sikap dan pendirian Usman dan masyarakat lainnya benci kepada ‘pembunuhan.’ Yang di idam dan dirindukan mereka ialah suasana kedamaian sepanjang zaman agar masyarakat dunia keseluruhannya jauh terhindar daripada gejala buruk seperti pertelingkahan dan peperangan sesama insan. Sementara itu sajak ‘Mata Ayah’ (1964) memaparkan daya rasa hati yang tersendiri. Cara hidup seorang ayah yang seadanya itu tidak pernah membeban dan menyusahkan sesiapa termasuk anaknya. Si tua yang tenang lagi beriman itu hanya mengharapkan kalau-kalau ada kesempatan anaknya akan pulang ke kampung halaman, paling tidak untuk sama-sama dapat menikmati beras baru hasil usaha taninya yang diwarisi turun temurun. Usman Awang dapat membayangkan tentang betapa gembiranya si bapa itu menyambut mesra kepulangan anaknya tanpa dapat berkata-kata tetapi hanya dengan menunjukkan isyarat bangga dan bahagia yang tidak terhingga:

Kujabat mesra tangan ayah  
Urut-urut daging-daging tua keras terasa  
Mataku tersenyum, matanya menyapa  
Anak yang pulang disambut mesra.

Kelibat senyum matanya masih jua ramah  
Akan menutup padaku kelesuan hidup sendiri  
Bagai dalam suratnya dengan kata-kata riang  
Memintaku pulang menikmati beras baru.

Bait-bait ini menunjukkan dengan jelas sikap Usman Awang yang membangkitkan emosi kemanusiaannya terhadap kemesraan yang dipaparkan antara kedua insan tersayang, lebih-lebih lagi melalui frasa ‘mataku tersenyum, matanya menyapa’. Dengan perasaan terharu dan sikap kasih sayangnya, Usman memilih istilah ‘mata’ itu sebagai simbol hubungan keakraban dan daripada renungan ‘mata’ jugalah timbulnya naluri silaturrahim yang kukuh dan padat. Oleh itu, kesejajarannya pada kata-kata tersebut merupakan satu gaya bahasa paralelisme yang dapat memikat pembaca agar ikatan kemesraan antara ahli keluarga itu perlulah dipupuk dan diperkukuhkan dengan seberapa erat yang boleh. Lebih-lebih lagi Allah SWT juga telah berfirman yang maksudnya, “Sesungguhnya kita sentiasa berhati-hati terhadap keluarga-keluarga kita” (Surah al-Thur ayat 26).

## ASIDENTON

Daya kreativiti Usman Awang terserlah daripada pelbagai sudut bukan sahaja daripada sudut penciptaan dan mesejnya tetapi juga daripada sudut gaya bahasa yang digunakan. Salah satu daripadanya ialah gaya bahasa asindenton. Mengikuti pendapat Tarigan (1985), asindenton adalah gaya bahasa yang padat dan mampat yang terdiri daripada kata, frasa atau klausa yang sedarjat tidak dihubungkan dengan kata sambung. Ia dipisahkan oleh tanda koma, bukannya penyambung ‘dan’. Berkaitan dengan struktur ini, Usman Awang telah pun mengaplikasikannya ke dalam sajak Bunga Popi (1955). Ia bertujuan untuk memperjelaskan hubungan kaitnya peperangan dengan penderitaan yang dialami kepada mereka yang terlibat dalam gejala buruk itu. Dalam sajak ini gaya asindenton itu diperjelaskan seperti berikut:

Yang hidup tinggal sisa nyawa, penuh derita,  
Kering, bongkok, cacat, tempang dan buta.  
Perang dalam kenangan penuh kengerian,  
Sekarang dalam kepahitan, dalam kesepian.

Yang lain kehilangan anak, suami dan kekasih,  
Hilang pergantungan, hilang pencarian, hidup kebuluran,

Ribuan janda, ribuan kecewa, ribuan sengsara,  
Jutaan anak-anak yatim hidup meminta-minta.

Gaya asindenton dalam bait-bait ini memberi makna kepada pelbagai kesan buruk seperti kemusnahan, penderitaan, kehancuran, kebuluran dan hilang tempat pergantungan akibat daripada bahana peperangan. Secara langsungnya beliau telah menyenarai dan menekankan gejala malapetaka itu dengan cara yang cukup menyeluruh yang menyentuh tentang mati hidupnya mangsa-mangsa perang. Ternyata gaya asindenton yang digunakan itu cukup padat dan mampat apabila penanda komanya memainkan peranan untuk menggambarkan yang klausa-klausa itu mempunyai penekanan pengertian yang sedarjat, di samping menitikberatkan tentang azab dan penderitaan yang sebenar. Contohnya, ‘penuh derita, kering, bongkok, cacat, tempang, buta, ribuan janda, ribuan kecewa, ribuan sengsara, yang terpaksa ditanggung oleh mangsa-mangsa perang. Adalah amat mengagumkan bahawa kepakaran Usman bukan sahaja terletak pada penulisan yang bermutu tinggi tetapi juga hebat dalam pembentukan klausa dan ayat-ayatnya.

## KESIMPULAN

Pada dasarnya karya sastra khususnya genre puisi merupakan satu daya pencurahan buah fikiran yang mantap, digubah mengikut rasa hati nurani dan dijelmakan semula melalui sistem bahasa yang kena dan bersesuaian pula dengan sesuatu mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Sistem bahasa yang dimaksudkan itu adalah ungkapan-ungkapan yang menarik, ada sifat-sifat konotasi dan terkadang-kadang terdapat pula gayanya yang beralun lembut, berbunga-bunga serta indah bunyinya. Kehalusan bahasa ini mungkin diserapkan melalui unsur-unsur metafora, personifikasi, ironi dan sebagainya. Dalam perspektif ini didapati bahawa seorang pujangga atau pemuisi seperti Usman Awang sendiri, melalui pengalaman, pemerhatian, penelitian dan daya pertanggungjawabannya itu diguna dan dimuatkan sepuuh mungkin ke dalam sajak-sajaknya. Ungkapan-ungkapan yang jujur, terus terang, penuh imaginasi itu diterjemahkan ke dalam gaya bahasa khas yang menarik lagi berkesan. Dengan gaya bahasa inilah menjadikan sajak-sajak beliau itu hidup dan memikat hati serta mampu pula menghibur para pembaca.

Kebijaksanaan Usman Awang mengaplikasikan gaya bahasa pertautan ini menjadikan sesebuah sajak yang bernilai dan dapat dihargai para pembaca. Unsur metonimia, sinekdoke, alusi, eufemisme, epitet, antonomasia, paralelisme, dan asindenton yang digunakan beliau mampu menyerlahkan maksud baris-baris diungkap dalam perjuangannya terhadap kemanusiaan. Kalau diteliti secara mendalam pula, keseluruhan sajak dengan alunan gaya-gaya bahasa

yang penuh dengan mainan bunyi itu semacam menunjukkan tanda keperibadian penciptanya, Usman Awang itu sendiri. Melalui kebolehan dan keluarbiasaannya terhadap penggunaan gaya bahasa yang cukup menarik dan mempesonakan itu, jelas terpancar bahawa Usman adalah jerung yang tiada tolok banding antara pemuisi lainnya walaupun sering mengakui dirinya cuma seekor seluang.

## RUJUKAN

- Al-Quran*.  
 Abdul Rahman Shaari. 1987. *Glosari Istilah Sastra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Amida Abdulhamid. 2006. *Prosiding Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Azman Rahmat. 2017. *Pejuang Kemanusiaan: Satu Wacana Tentang Ketekalan Tema Kemanusiaan Dalam Puisi-Puisi Usman Awang*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
*Encyclopedia International*. 1967. Edisi Ke-5. New York: Grolier Incorporated.  
 Hashim Awang. 1987. *Kritikan Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.  
 Hans Bague Jassin. 1962. *Amir Hamzah Raja Penyair Pujangga Baru*. Jakarta: Gunung Agung.  
 Henry Guter Tarigan 1985. *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.  
 Joginder Singh Jessy. 1964. *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
*Kamus Dewan*. 2015. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Mohd Radzuan Ibrahim. 2017. *Mingguan Malaysia*, Ahad 10 Disember.  
 Muhammad Haji Salleh. 2006. *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh Biografi Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Muhammad Husain Haekal. 1982. *Sejarah Hidup Muhammad*. Jakarta: P.T. Tintamas.  
 Ngurah Parsua. 1985. *Ilmu dan Budaya*. Jakarta Selatan: P.T. Inti Serana Askara.  
*Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang*. 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.  
 Usman Awang. 1961. *Gelombang*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.  
 Usman Awang. 1967 *Duri dan Api*. Melaka: Abbas Bandung.  
 Usman Awang. 1971. *Kaki Langit*. Kuala Lumpur: Asian Enterprise.  
 Usman Awang. 1982. *Salam Benua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Usman Awang & A. Samad Said. 1963. *Tema dan Tugas Sastra Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Berhad.

Muharam Awang  
 Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA)  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 E-mel: irin80@gmail.com

Shaiful Bahri Md. Radzi (Ph.D)  
 Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA)  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 E-mel: sbmr@ukm.edu.my  
 E-mel: shaifulradzi@gmail.com

Diserahkan: 18 Mei 2020  
 Diterima: 26 Ogos 2020